

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 14/10/2023
Edisi / Muka Surat : Nasional (17)
Tajuk : ANGKASA, UKM Jalin Kerjasama Penyelidikan Alam Sekitar

Angkasa, UKM jalin kerjasama penyelidikan alam sekitar



ABDUL FATTAH (dua dari kiri) bersama Wan Kamal (dua dari kanan) menandatangani MoA dalam bidang penyelidikan di Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya semalam.

PETALING JAYA – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dalam bidang penyelidikan bagi meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap perubahan iklim.

Kerjasama itu dimeterai dalam tempoh dua tahun bermula Oktober 2023 bersama hampir dua juta anggota koperasi sekolah di seluruh negara.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, peranan koperasi penting untuk pembangunan

sosioekonomi negara, seiring dengan satu prinsip dalam koperasi iaitu keprihatinan terhadap masyarakat.

“Isu perubahan iklim ini bukan sahaja memberi kesan kepada persekitaran, malah memberi kesan kepada landskap ekonomi, sosial dan juga politik.

“Oleh itu, Angkasa turut menunjukkan sokongan kepada kerajaan dalam menghijaukan negara melalui inisiatif Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang disasarkan kerajaan menjelang pada 2025,” katanya di Dewan Dato’ Mohd. Ali Baharum, Wisma Ungku A. Aziz, di sini semalam.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi) UKM, Prof. Datuk Dr. Wan Kamal Mujani berkata, kerjasama bersama Angkasa adalah cara terbaik untuk memupuk kesedaran mengenai kelestarian alam sekitar.

“Mungkin isu kesedaran terhadap alam sekitar ini kita tidak berapa nampak, tetapi hakikatnya, dunia dan negara kita sendiri sedang mengalami ancaman.

“Kini kita alami penurunan keluasan hutan, bencana alam yang tidak dapat dikawal dan sebagainya. Semua ini merupakan isu yang berkait rapat dengan alam sekitar,” katanya.